

Headline	Gangguan bekalan air di Kubang Pasu bermula 3 April		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	01 Apr 2012	Color	Black/white
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	u10	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	105 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 420
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,260



## Gangguan bekalan air di Kubang Pasu bermula 3 April

**JITRA-** Gangguan bekalan air akan berlaku di beberapa kawasan di daerah Kubang Pasu pada 3, 8 dan 9 April ini bagi kerja penyelenggaraan.

Pada 3 April, bekalan akan terganggu di Kampung Wang Perah, Gajah Teriak dan kedai makan Universiti Utara Malaysia (UUM) serta kawasan sekitar bermula jam 9 pagi hingga 2 petang. Ini berikutan penutupan operasi Loji Air Jeragan Fasa 2 bagi kerja-kerja pencucian tangki air bersih.

Sementara itu gangguan air bermula jam 9 malam hingga 12 malam pada 8 April akan

berlaku di Taman Melor, Charuk Ketiak, Kampung Banai, Pancur, Padang Luar, Lubuk Batu, Kota Mengkuang, Wang Tepus, Charuk Latah, Lembah Arang dan Padang Teja untuk kerja flowmeter, tapak flowmeter KU10 di Pelubang.

Manakala bermula pada 8 April, jam 9 malam hingga jam 6 pagi, 9 April, gangguan dijangka berlaku di kawasan perumahan Taman Seri Termin, Industri Bukit Kayu Hitam, Kampung Padang Satu dan Kampung Mempelam.

Kawasan lain termasuk Kampung Lubuk

Seluang, Kem Sempadan Kompleks Imigresen Bukit Kayu Hitam, Felda Bukit Tangga dan keseluruhan Pekan Bukit Kayu Hitam akibat kerja-kerja mengganti injab utama 450MM di persimpangan Kawasan Industri Bukit Kayu Hitam.

Sehubungan itu, orang ramai diminta membuat persediaan awal dengan menyimpan air dan menggunakannya secara bijak.

Pihak Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (Sada) memohon maaf atas kesulitan yang berlaku.

Sebarang pertanyaan hubungi Pusat Informasi Sada di talian, 1-300-880017.